

Sarawak perkemask bahagian tengah

KOSMO 14/1/2013 MS 63

Beliau berkata, hantaran-hantaran kepada penyerang juga perlu diperbaiki kerana ada hantaran dilihat kurang tepat kepada barisan serangan.

"Namun keserasian antara Bobby Gonzales dan Ivan Babic wajar dipuji kerana mereka telah menunjukkan persefahaman yang baik.

"Saingan Liga Premier ini masih jauh jadi saya ingatkan semua pemain supaya mengekalkan rentak cemerlang pada setiap perlawanan," ujarnya.

Sarawak kini berada di tangga kedua liga di belakang PDRM dengan enam mata.

Sarawak akan turun menentang KL SPA Putrajaya FC di Stadium Hang Tuah, Melaka pada pukul 4.45 petang ini dan selepas itu akan melayan kunjungan Pos Malaysia di Kuching pada 18 Januari nanti.



JOSEPH KALANG TIE mengemudi bahagian tengah Sarawak musim ini.

Oleh **FIRDAUS HASSAN**
firdaus.hassan@kosmo.com.my

PENGENDALI skuad Sarawak, Robert Alberts akan memperkemas lagi bahagian tengah pasukannya apabila bertandang ke gelanggang lawan untuk menentang KL SPA Putrajaya petang ini.

Skuad Bujang Senang itu melakar kemenangan besar 5-0 ke atas UiTM FC di Stadium Negeri di Kuching Jumaat lalu tetapi Alberts menganggap terdapat beberapa aspek yang masih perlu diperbaiki.

"Bahagian tengah masih longgar yang menyaksikan pasukan lawan (UiTM) mudah meloloskan diri.

"Ini jelas kelihatan pada babak pertama perlawanan di mana bahagian tersebut agak perlahan dan terlalu mudah kehilangan bola," katanya.



Inter Milan menang 2-0

ROU

S 11

Jose Mourinho makin tertekan

S 11

Gerrard: Pemain muda tak hebat!

S 11



DONNAY

Since 1910

DONNAY and the D device are trade marks of CDS IP (Societe Anonyme) and used under licence by Lea Marketing Sdn. Bhd.

Sukan

Utusan Sarawak ISNIN • 14 Januari 2013 • 2 Rabiulawal 1434H •

• Menjelang perlawanan Putrajaya FC-Sarawak petang ini

Alberts: "Fokus sepenuhnya"

• LIGA PERDANA 2013

JURULATIH Sarawak Robert Alberts menggesa anak-anak buahnya agar fokus sepenuhnya apabila turun menentang skuad Putrajaya FC di Stadium Hang Tuah pada pukul 4.45 petang ini (Isnin).

Alberts menganggap Putrajaya FC sebagai lawan yang cukup menantang, apatah lagi skuad tersebut telah menumbangkan skuad hebat, Perlis 4-2 Jumaat lalu.

Putrajaya telah membuktikan yang mereka bukanlah calang calang pasukan, kata Alberts.

Oleh itu, kami mesti bersedia sebaik mungkin. Mereka boleh mengejutkan mana-mana pasukan, jelasnya.

Menyedari kekuatan lawan, maka Alberts akan melakukan

perubahan dalam aspek posisi pemain.

Menurutnya, Guy Bwele akan dikerah bermain di posisi tengah dan bergandingan dengan Shahrol.

Kami harus melakukan perubahan di bahagian tengah kerana ia agak goyah ketika menentang UiTM, tegas Alberts.

Mafry akan direhatkan bagi memberi laluan kepada Fareez Tukijo yang beraksi cemerlang di bahagian sayap, katanya.

Kami juga mahu menjelmakan persaingan sibat dalam kalangan pemain. Ia adalah satu petanda bagus apabila mereka bersaing sesama sendiri, ujar Alberts.

Menurut Alberts, mereka perlu bermain lebih pantas dan tidak mudah kehilangan bola.

Kami memerlukan kemenangan bagi mengukuhkan kedudukan di tangga atasan, kata Alberts.

Sarawak kini menduduki tangga kedua setelah melakar dua kemenangan berturut-turut, mengalahkan Perlis 2-1 dan membelasah UiTM 5-0.

Namun bagi Alberts, persembahan pasukan perlu diperbaiki terutama di bahagian tengah, serta hantaran ke bahagian serangan.

Bagaimanapun, beliau berpuas hati terhadap gandingan penyerang, Bobby Gonzales dan Ivan Babic. Kedua-duanya telah pun menyumbat lima gol setakat ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bola Sepak Sarawak (FAS), Datu Sudarsono Osman percaya rentak kemenangan mampu diteruskan petang ini.

Kita mempunyai peluang yang baik dan kemenangan pasti akan mengukuhkan kedudukan dalam kelompok atasan, kata Sudarsono.



GIGIH ... Rangkaian pemain Sarawak ketika sesi latihan. Sarawak berdepan misi mencabar petang ini, menentang skuad Putrajaya FC di Stadium Hang Tuah.

• LIGA PERDANA 2013

HARI INI (ISNIN)
Putrajaya FC Lwn Sarawak
(Std. Hang Tuah, 4.45 petang)

PDRM LWN KEDAH
Pos M'sia Lwn UiTM FC
Perlis Lwn Sime Darby
Sabah Lwn NS Betaria
Johor Lwn K. Lumpur

18 JANUARI (JUMAAT)
Sarawak Lwn Pos M'sia
(Std. Negeri, 8.15 malam)

21 JANUARI (ISNIN)
Sime Darby Lwn Sarawak
(Std. Selayang, 4.45 petang)

• PUSINGAN PERTAMA PIALA FA

25 JANUARI (JUMAAT)
Sarawak Lwn Melaka
(Std. Negeri, 8.15 malam)

	P	M	S	K	J	B	MT
1. PDRM	2	2	0	0	9	0	6
2. SARAWAK	2	2	0	0	7	1	6
3. Kedah	2	2	0	0	3	0	6
4. Sime Darby	2	1	1	0	3	1	4
5. Johor	2	1	1	0	2	0	4
6. Putrajaya	2	1	0	1	5	4	3
7. Pos Malaysia	2	1	0	1	3	3	3
8. Sabah	2	1	0	1	3	4	3
9. Perlis	2	0	0	2	3	6	0
10. K. Lumpur	2	0	0	2	2	7	0
11. NS Betaria	2	0	0	2	0	7	0
12. UiTM FC	2	0	0	2	0	7	0

* SENARAI PENJARING SARAWAK
3 GOL: Bobby Gonzales (penyerang)
2 GOL: Ivan Babic (penyerang)
1 GOL: Joseph Kallang (tengah)
Guy Bwele (pertahanan)

Jadual Perlawanan

HARI INI

PDRM lwn **KEDAH**
Stadium Hang Jebat, Melaka, 4.45 petang

POS MALAYSIA lwn **UiTM**
Stadium MP Selayang, 4.45 petang

PERLIS lwn **SIME DARBY**
Stadium Utama, Kangar, 4.45 petang

SABAH lwn **NS BETARIA**
Stadium Likas, 4.15 petang

JOHOR lwn **K. LUMPUR**
Stadium MP Pasir Gudang, 8.45 mlm

KL SPA lwn **SARAWAK**
Stadium Hang Tuah, Melaka, 4.45 petang

Kedudukan

	P	M	S	K	J	B	Mt
PDRM	2	2	0	0	9	0	6
SARAWAK	2	2	0	0	7	1	6
KEDAH	2	2	0	0	3	0	6
SIME DARBY	2	1	1	0	3	1	4
JOHOR	2	1	1	0	2	0	4
KL SPA	2	1	0	1	5	4	3
POS MALAYSIA	2	1	0	1	3	3	3
SABAH	2	1	0	1	3	4	3
PERLIS	2	0	0	2	3	6	0
K.LUMPUR	2	0	0	2	2	7	0
UiTM	2	0	0	2	0	7	0
NS BETARIA	2	0	0	2	0	7	0